

30 JUN 2000

MT-Reaksi

MUHAMMAD TERIMA KASIH ATAS PELANTIKAN SEBAGAI TIMBALAN Pengerusi

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berkata pelantikan beliau sebagai timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor akan membolehkan beliau memantapkan lagi parti di peringkat negeri.

"Saya fikir masa beredar dan keadaan berubah makanya kita kena saling bantu membantu antara satu sama lain demi kepentingan parti dan orang Melayu," katanya kepada Bernama semasa dihubungi petang ini.

Beliau berkata demikian bila diminta mengulas pelantikan beliau ke jawatan itu yang diumumkan Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dalam satu kenyataan yang dibacakan oleh setiausaha kerja parti Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Kenyataan itu turut mengumumkan pelantikan 10 anggota Majlis Tertinggi Umno.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pelantikan itu, Muhammad berkata beliau akan dapat memainkan peranan ke arah memantapkan lagi parti di Selangor.

Ditanya bolehkah beliau bekerjasama dengan pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Seri Abu Hassan Omar, Muhammad berkata: "Saya sepanjang masa boleh bekerjasama dengan beliau dan tak ada masalah."

Azimi Daim, 36, yang dilantik anggota MT berkata pelantikan beliau adalah satu cabaran untuk golongan muda mengukuhkan parti.

"Saya akan berusaha untuk sama-sama terus menguatkan parti dan mengeratkan hubungan dengan golongan muda," katanya ketika dihubungi dari sini.

Katanya sebagai generasi muda beliau lebih dekat kepada generasi pemuda dan ini bersesuaian dengan visi Umno untuk mengukuhkan parti melalui penyertaan generasi daripada pelbagai lapisan.

Azimi yang juga Ketua Pemuda Umno Bahagian Kulim/Bandar Baru pernah menjadi setiausaha sulit Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir semasa beliau memegang jawatan Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yang dilantik pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak berkata pelantikan muka baru dan muka lama dalam MT menepati kehendak anggota parti.

Beliau juga berkata pelantikan Tan Sri Ramli Ngah Talib sebagai timbalan pengerusi adalah satu usaha ke arah mengukuhkan perpaduan parti.

"Pengalaman beliau (Ramli) sejak 17 tahun menerajui negeri sebagai menteri besar dan pengerusi Badan Perhubungan Umno boleh membantu kita mengukuhkan parti untuk menawan semula kerusi yang kita tewas dalam pilihan raya lepas," katanya.

Ramli yang berpindah ke pusat sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan selepas pilihan raya umum November lepas sebelum ini memegang jawatan pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak.

-- BERNAMA

ARA HJ/AHH RON